



جائزہ کیلئے عینہ کنی جوہر

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI JOHOR,
BANGUNAN MAHKAMAH SYARIAH JOHOR,
LOT 259, JALAN ABU BAKAR,
80100 JOHOR BAHRU,
JOHOR DARUL TA'ZIM



Tel. Am : 07-2199000 Faks : 07-2213133 E-mail : tadbirsyariah@johor.gov.my

Ruj. Kami : JKS NJ 600-1/2/6 (25)
Takwim : 18 Safar 1444
Tarikh : 15 September 2022

YA Hakim-hakim Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Johor

YA Hakim-hakim Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Johor

YA Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Johor

Tuan-tuan Hakim Mahkamah Rendah Syariah Negeri Johor

Penolong-penolong Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rendah
Syariah Negeri Johor

**ARAHAN AMALAN YAA KETUA HAKIM SYARIAH NEGERI JOHOR
BIL. 2/2022**

Tatacara Pengurusan Kes Pra Perbicaraan Bagi Kes Mal

Saya ingin menasihati perundangan YA/Tuan/Puan kepada keputusan Mesyuarat Majlis Hakim-hakim Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor Bil: 2/2022 pada 7 Julai 2022 bersamaan 7 Zulhijjah 1443H telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahan Amalan berhubung Tatacara Pengurusan Kes Pra Perbicaraan Bagi Kes Mal sebagaimana di **Lampiran**.

Arahan Amalan ini berkuatkuasa mulai 1 Oktober 2022 .



(YAA TUAN HAJI MUHAMMAD KHALDUN BIN MOHAMMAD SHARIF)

Ketua Hakim Syarie

Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor

s.k:

1. Penasihat Undang-undang Negeri Johor
2. Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri Johor
3. Pengarah Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Johor
4. Pengarah Pejabat Bantuan Guaman Negeri Johor
5. Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pembangunan Keluarga
6. Presiden Persatuan Peguam Syarie Negeri Johor

TATACARA PENGURUSAN KES PRA PERBICARAAN
BAGI KES MAL

1. SKOP

- 1.1 Pengurusan Kes Pra Perbicaraan ini digunapakai oleh Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rendah Syariah dalam pengurusan kes mal yang dimulakan melalui saman dan pernyataan tuntutan sahaja.
- 1.2 Pengurusan Kes Pra Perbicaraan ini dilaksanakan bagi kes dengan kehadiran kedua-dua pihak yang diwakili oleh Peguam Syariah sahaja.
- 1.3 Tempoh pelaksanaan pengurusan ini hendaklah dilaksanakan dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh kehadiran pertama pihak-pihak bersama Peguam Syariah. Sebarang tempoh perlamutan harus dibolunkan dengan kebenaran Hakim Bicara.

2. PROSEDUR KERJA

- 2.1 Penyempurnaan Pleading
Memastikan penyempurnaan pleading yang difailkan oleh pihak-pihak sebagaimana yang telah ditetapkan oleh undang-undang.
- 2.2 Pemfailan Ikatan Dokumen.
Memastikan pemfailan Ikatan Dokumen sebagaimana berikut:
 - 2.2.1 Ikatan Dokumen Dipersetujui:
Dokumen yang dipersetujui kesahannya dan kandungannya.
(Ikatan Dokumen A : Kertas kulit berwarna Hijau)

2.2.2 Ikatan Dokumen Tidak Dipersetujui:

- (i) Dokumen yang kesahannya tidak dipertikaikan tetapi kandungannya dipertikaikan.
(Ikatan Dokumen B: Kertas kulit berwarna Kuning)
- (ii) Dokumen yang kesahannya dan kandungannya dipertikaikan.
(Ikatan Dokumen C: Kertas kulit berwarna Merah)

2.2.3 Ikatan Dokumen hendaklah disusun mengikut kronologi dan dengan muka surat yang beraturan serta difaillan secara seragam oleh pihak pihak.

2.3 Pemfailan senarai fakta kes dan isu

- 2.3.1 Pemfailan ringkasan fakta kes oleh saintif.
- 2.3.2 Pemfailan pernyataan fakta fakta yang dipersetujui oleh pihak-pihak.
- 2.3.3 Pemfailan isu-isu yang hendak dibicarakan.

2.4 Pemfailan Senarai dan Pernyataan Saksi. Rujuk Format Persediaan Bicara

DI DALAM MAHKAMAH RENDAH/TINGGI SYARIAH DI _____

DI NEGERI JOHOR DARUL TA'ZIM

KES MAL BIL: _____

ANTARA

XXX

(No K/P:)

...PLAINTIFF

DENGAN

YYY

(No K/P:)

...DEFENDANT

PERSEDIAAN BICARA

1. Jumlah keseluruhan saksi Plaintiff [] orang
 - a. Saksi Am [] orang
 - b. Saksi Pakar [] orang
 - c. Saksi [] orang
2. Jumlah keseluruhan saksi Defendant [] orang
 - a. Saksi Am [] orang
 - b. Saksi Pakar [] orang
 - c. Saksi [] orang

3. Dengan itu, pihak-pihak memfailkan dokumen-dokumen seperti berikut:-

3.1 Ringkasan kes pihak masing-masing

3.2 Ikatan Pliding

3.3 Ikatan Dokumen Bersama, Ikatan Dokumen Plaintiff, Ikatan Dokumen Defendant

3.4 Fakta-fakta Dipersetujui (tertakluk kepada arahan lanjut Hakim Bicara)

3.5 Isu-isu Untuk Dibicarakan (tertakluk kepada arahan lanjut Hakim Bicara)

3.6 Senarai saksi pihak-pihak (seperti yang dinyatakan di para 1 dan 2)

4. Pihak-pihak juga berakujanji untuk melaksanakan perkara-perkara berikut:

4.1 Pihak-pihak akan bekerjasama menyediakan Ikatan Dokumen Bersama

4.2 Ikatan Dokumen akan dibahagikan seperti berikut:-

a. Ikatan Dokumen A (Kertas kulit berwarna Hijau)

– Dokumen yang dipersetujui kesahannya dan kandungannya.

b. Ikatan Dokumen B (Kertas kulit berwarna kuning)

– Dokumen yang kesahannya tidak dipertika tetapi isi kandungannya dipertika.

c. Ikatan Dokumen C (Kertas kulit berwarna Merah)

– Dokumen yang kesahannya dan kandungannya dipertika.

4.3 Pihak-pihak akan memberikan komitmen yang sesuai dan munasabah untuk mengemukakan penzahiran dokumen yang dikategorikan Bahagian C.

4.4 Fakta-fakta yang dipersetujui dan dokumen-dokumen di dalam Ikatan Dokumen A, adalah diterima sebagai keterangan dan tidak perlu diulang semasa perbicaraan.

Bertarikh _____

Dipersetujui oleh Peguam Syarie
Plaintif

Dipersetujui oleh Peguam Syarie
Defendan

()

()